

Dua agensi tandatangani Nota Kerjasama bagi mantapkan siasatan kebakaran

Polis, bomba kukuhkan kerjasama

Oleh EDDY HAMIDI

KUALA LUMPUR – Persetujuan kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mampu mengelakkan pertindihan kerja bagi kedua-dua badan berkenaan terutamanya melibatkan aspek penyiasatan kebakaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan bukan sahaja menyambut baik keputusan tersebut malah menyokong penuh usaha kerjasama melibatkan kedua-dua agensi utama negara itu.

“Kerjasama ini selaras dengan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan diyakini dapat mengelakkan pertindihan kerja, menjimatkan masa, mempercepatkan siasatan yang konklusif serta tiada pertikaian bidang kuasa.

“Usaha sebegini seharusnya dituruti oleh badan-badan serta jabatan lain,” katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis menandatangani Nota Kerjasama di antara PDRM dan JBPM yang diadakan di Maktab PDRM Kuala Lumpur di Cheras semalam.

Turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Nota Kerjasama tersebut ditanda-



AHMAD ZAHID (dua dari kiri) dan Noh menyaksikan pertukaran dokumen antara PDRM diwakili Mohamad Fuzi (kiri) dengan JBPM yang diwakili Wan Mohd. Nor selepas majlis menandatangani Nota Kerjasama di Maktab PDRM Kuala Lumpur di Cheras semalam.

tangani oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim sambil disaksikan oleh Ahmad Zahid.

Melalui nota tersebut, peranan serta tanggungjawab setiap agensi akan dapat difahami dengan lebih jelas.

Malah, segala siasatan terhadap sebab serta punca berlakunya kebakaran akan diserahkan kepada pihak bomba, namun sekiranya terdapat sebarang unsur jenayah, maka lapo-

ran penyiasatan akan dimajukan kepada pihak polis.

Sementara itu, Noh berkata, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) telah memberi kuasa kepada bomba bagi menjalankan siasatan dan jabatan itu mempunyai keparakan dalam menjalankan penyiasatan kebakaran.

“Mereka akan memaklumkan kepada PDRM sekiranya wujud sebarang perbuatan berunsurkan jenayah,” katanya.